

## Pelajar FKJ Laksana Pemasangan Paip Graviti Air di Kg. Bongol

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 19 Oktober 2018 16:06 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 436

[Kongsi 23](#)[Syorkan 23](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 19 OKTOBER**

– Seramai 12 pelajar tahun akhir Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terlibat dalam melaksanakan Projek Kelestarian Gotong Royong Pemasangan Paip Graviti Air di

Kampung Bongol, Tamparuli baru-baru ini.

Ketua projek tersebut, Verrill Valeryan Victor Wong berkata, beliau bersama 11 pelajar yang mengambil kursus Kejuruteraan Alam Sekitar telah bersama-sama penduduk kampung yang diketuai oleh pengerusi projek, Jaimond Lambun.

“Bagi projek ini, pelaksanaan dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu dalam dua fasa pertama pelajar dan penduduk kampung bergotong royong menyiapkan tapak, membina dan memasang paip graviti serta tangki.

“Fasa ketiga pula adalah kerja pemasangan paip agihan serta satu majlis perasmian projek Pembinaan Paip Graviti yang dijangkakan akan dilangsungkan pada bulan November akan datang,” jelas beliau.

Sementara itu, pensyarah subjek Kejuruteraan Alam Sekitar merangkap penasihat projek usaha sama komuniti, Prof. Madya Dr. Nurmin Bolong berkata, program ini pastinya memberi manfaat bukan sahaja kepada para pelajar bahkan juga kepada penduduk Kampung Bongol dalam mengeratkan hubungan silaturahmi sesama mereka, di samping memahami kehendak masyarakat dalam memastikan pembangunan yang lestari.

“Pelaksanaan projek ini memberikan para pelajar pendedahan terhadap pengalaman praktikal di tapak bina seperti mereka bentuk sistem air di kawasan berbukit, pemasangan paip serta kemahiran memasang dan melepai dinding bata, yang secara tidak langsung melatih mereka agar lebih kompeten apabila menamatkan pengajian kelak.

“Selain itu, pelajar juga dapat merasai keindahan persekitaran dan mendekati keramahan penduduk kampung misalnya melalui aktiviti memalu gong dan program ramah mesra yang turut diadakan dalam program ini,” katanya.

Ujar beliau, projek seperti ini diharap dapat terus dilaksanakan pada masa akan datang kerana pelaksanaannya mampu membuka minda para pelajar sebagai persediaan memasuki ke alam pekerjaan, selain menggalakkan penglibatan lebih ramai pelajar bukan sahaja di peringkat universiti, malah seluruh Kota Kinabalu dan Sabah amnya untuk turut serta menjayakannya.